

COP SEKOLAH

# UJIAN DIAGNOSTIK 2

## JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA

---

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**  
**PENDIDIKAN ISLAM**

**November 2021**

2 Jam 30 Minit

**1223/1**

**Dua Jam Tiga Puluh Minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi **lima** soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak

## Jawab semua soalan

## 1. (a) Firman Allah SWT :

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ  
 اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ ﴿٤﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ  
 حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾  
 فَمَنْ أَتَّبَعَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِنَتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ  
 رَاعُونَ ﴿٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾ الَّذِينَ  
 يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿١١﴾

(Surah al-Mu'minun : 1-11)

Ayat di atas menerangkan tentang ciri-ciri mukmin yang berjaya.

Berdasarkan ayat di atas ,

- (i) Nyatakan **dua** ciri mukmin yang berjaya [2 markah]
- (ii) Di antara perbuatan salah laku seksual ialah zina, sumbang mahram dan hubungan seks luar tabi'i.  
 Jelaskan implikasi perbuatan tersebut. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat yang dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. [4 markah]

(b) مَن ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفُهُ لَهُ وَأُضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ  
 وَيَبْصِطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

(Surah al-Baqarah : 245)

- (i) Berdasarkan ayat di atas, tuliskan potongan ayat yang mengandungi hukum Mad Silah Tawilah dan Mad Silah Qasirah serta nyatakan cara bacaannya. [4 markah]

(c) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ : اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمَوْبِقَاتِ . قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ! وَمَا هُنَّ؟ قَالَ : الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ، وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ .  
(متفق عليه)

Hadis di atas menjelaskan tentang tujuh dosa besar yang wajib di jauhi oleh umat Islam.

(i) Nyatakan contoh bagi bahagian syirik berikut:

- Syirik Jali
- Syirik Khafi

[2 markah]

(ii) Allah SWT menjelaskan bahawa amalan sihir mengandungi unsur-unsur kekufuran.

Jelaskan **dua** amalan yang boleh kita lakukan untuk menghindari diri daripada sihir

[2 markah]

Firman Allah dalam Surah An-Nur ayat 23 yang bermaksud :

“Sesungguhnya orang yang menuduh perempuan yang terpelihara kehormatannya, yang tidak terlintas memikirkan sebarang kejahatan lagi yang beriman, akan dilaknat oleh Allah SWT di dunia dan di akhirat dan mereka pula akan beroleh azab seksaan yang besar”



(iii) Berdasarkan petikan di atas, bincangkan peranan anda sebagai ketua persatuan penduduk untuk mencegah penularan perbuatan tersebut dalam kalangan masyarakat setempat.

[4 markah]

2. (a) Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah.
- (i) Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat [2 markah]
  - (ii) Huraikan **dua** cara menjauhi ajaran sesat [4 markah]
  - (iii) Umat Islam diingatkan supaya tidak terpengaruh dengan dakyah ajaran sesat yang merosakkan imej Islam dan penganutnya serta memecah belahkan institusi agama Islam.  
Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas. [4 markah]
- (b) Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah sentiasa berpegang teguh dengan al-Quran dan al-Sunnah serta mengikut jalan para sahabat dan tabiin selepas kewafatan Rasulullah SAW.
- (i) Berikan pengertian Ahli Sunnah Wal Jamaah [2 markah]
  - (ii) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah [2 markah]
  - (iii) Jelaskan **dua** prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah [2 markah]
  - (iv) Terangkan **dua** kepentingan berpegang teguh kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah [4 markah]
3. (a) Muamalat Islam berperanan mewujudkan masyarakat yang aman dan sejahtera.
- (i) Apakah maksud Muamalat Islam [2 markah]
  - (ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara Muamalat Islam dan Muamalat Konvensional [4 markah]
  - (iii) Nyatakan hukum serta alasan bagi permasalahan muamalat yang berikut:
    - a. Amirul telah menyertai beberapa pelaburan saham sebagai sumber pendapatan keluarganya
    - b. Siti sering mengumpul wang dengan bermain kutu bersama rakan-rakannya [4 markah]
- (b) Perkahwinan merupakan syariat Islam bagi melestarikan tuntutan fitrah semulajadi manusia
- (i) Nyatakan **dua** golongan wanita yang haram dikahwini selama-lamanya [2 markah]

- (ii) Senaraikan **dua** rukun nikah selain sighth [2 markah]
- (iii) Terangkan hikmah perkahwinan dalam Islam [2 markah]

(iv)

*Islam telah menggariskan beberapa ciri utama sebagai panduan memilih calon untuk mendirikan rumah tangga.*

Berdasarkan pernyataan di atas mengapakah Islam mementingkan elemen sekufu dalam memilih pasangan? Berikan hujah anda. [4 markah]

4. (a) Keagungan dan keunggulan Kerajaan Uthmaniyah menjadi kebanggaan umat Islam hingga ke hari ini.

- (i) Nyatakan sejarah Kerajaan Uthmaniyyah. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan Kerajaan Uthmaniyah. [4 markah]

(b) Muhammad bin Idris al-Syafie merupakan pengasas Mazhab Syafie.

- (i) Senaraikan **dua** sifat peribadi Imam al-Syafie [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** hasil karya Imam al-Syafie yang utama [2 markah]
- (iii) Jelaskan bukti kesungguhan Imam Al-Syafie dalam menuntut ilmu. [2 markah]

*Ilmu bukan sekadar dihafal, tetapi yang lebih utama ialah yang memberi manfaat*

(iv) Petikan di atas merupakan kata-kata Imam al-Syafie. Bagaimanakah anda mencontohi sifat tokoh tersebut untuk menjadi pelajar yang cemerlang. Huraikan [4 markah]

5. (a) Islam meletakkan kemuliaan terhadap orang kurang upaya.

- (i) Jelaskan **dua** cara beradab terhadap orang kurang upaya [4 markah]
- (ii) Terangkan hikmah sekiranya kita beradab dengan orang kurang upaya. [2 markah]



- (iii) Berdasarkan gambar di atas, huraikan pendapat anda cara untuk mewujudkan suasana positif dalam kalangan golongan orang kurang upaya. [4 markah]
- (b) Amalan yang istiqamah merupakan jalan menuju mujahadah dan ia amat dituntut dalam agama.
- (i) Apakah maksud istiqamah [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara untuk memiliki sifat istiqamah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah mengamalkan sifat istiqamah dalam kehidupan [4 markah]

### KERTAS SOALAN TAMAT